

Tinggal lebih tempoh sah, warga asing dipenjara empat bulan

MIRI: Seorang lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara empat bulan oleh Mahkamah Sesyen semalam kerana kesalahan tinggal di negeri ini melebihi tempoh sah dibenarkan.

M a h k a m a h t u r u t memerintahkan tertuduh supaya dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Fatulloh dari Sumatera, Indonesia telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (4) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah ditahan sekitar jam 9 malam, 7 April lalu di sebuah premis di Blok 9 MCLD di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki warga asing.

Hasil pemeriksaan yang dilakukan mendapati tertuduh merupakan warganegara Indonesia dan masih tinggal di negeri ini setelah pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya tamat tempoh sah.

Berikutan itu, tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk tindakan lanjut.

Mahkamah kemudian memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 7 April lalu.

Pendakwa dilakukan ASP Koay Kok Ping di hadapan Hakim Zaini Fishir@Fisal.